

Maklumbalas Pengguna (Suara Anda)

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

Maklumbalas Bagi Jun 2016			
Bil.	Penghantar	Maklumbalas	Jawapan
1.	Zulkifli Mustafa 3/6/2016	<p>Assalamualaikum Ustaz/Ustazah/Tuan/Puan,</p> <p>Di sini saya memohon bantuan daripada pihak ustaz/ustazah untuk pertanyaan mengenai perkara yang membelenggu & tidak mententeramkan hidup saya selama ini.</p> <p>Untuk makluman ustaz/ustazah, suatu ketika dulu (10-12 tahun lalu) saya & rakan-rakan pernah terjumpa sejumlah wang (dalam envelope) & tanpa memikir panjang telah membahagi-bahagikan wang tersebut sesama rakan lain yang ada. Di sini, saya ingin tahu bagaimana cara untuk saya selesaikan masalah saya ini. Adakah saya perlu menggantikan balik wang-wang tersebut? Jika perlu digantikan semula, adakah saya cuma perlu gantikan untuk bahagian saya sahaja ataupun semua jumlah yang saya jumpa kerana bersubahat? Dan jika perlu diganti, kemanakah saya perlu salurkan wang tersebut kerana saya tidak tahu punca asal & pemunya asal wang tersebut.</p>	<p>Dari segi hukum, wang yang dijumpai hendaklah diiklankan selama setahun. Jika dapat dikesan pemilik wang tersebut hendaklah diserahkan kepadanya. Jika selepas setahun masih tidak dijumpai pemilik wang tersebut, maka bolehlah tuan memilikinya. Tetapi menurut para ulama', adalah lebih baik disedekahkannya dengan niat bagi pihak pemilik wang tersebut kepada tabung kebajikan atau tabung masjid. Wallahu a'lam.</p>
2.	Zulkifli Mustafa 3/6/2016	<p>Assalamualaikum Ustaz/Ustazah/Tuan/Puan,</p> <p>Di sini saya memohon bantuan daripada pihak ustaz/ustazah untuk pertanyaan mengenai beberapa</p>	<p>a) Segala pembinaan/pengubahsuaian sesuatu masjid/surau hendaklah melalui prosedur yang telah ditetapkan bagi mengelak kesulitan yang timbul di kemudian hari seperti pengesahan kiblat, rabitah</p>

		<p>kekeliruan/kemusykilan. Antaranya adalah seperti berikut:-</p> <p>a) Apakah hukumnya jika kita membina surau/masjid menggunakan sumbangan ikhlas orang ramai di tapak yang disediakan oleh pemaju (syarat biasa bagi pemaju untuk mendirikan taman perumahan) tetapi tidak melalui syarat-syarat rasmi yang sepatutnya (permohonan melalui pihak PBT) dan mendirikan tanpa kelulusan yang ditetapkan kerana prosedur yang agak melambatkan dan memerlukan sedikit kos pentadbiran (pelan & sebagainya).</p> <p>b) Apakah hukumnya kita membina surau/masjid tersebut menggunakan sumber elektrik yang ditarik pada tiang-tiang pihak TNB mahupun dibawah seliaan pihak pemaju untuk proses mendirikan surau/masjid tersebut & menggunakan sumber tersebut untuk memulakan aktiviti keagamaan di surau/masjid tersebut.</p> <p>Diharap pihak ustaz/ustazah dapat menjelaskan hukum-hukum & kesan-kesan serta jalan penyelesaian berkenaan dengan kemusykilan saya ini.</p> <p>Sekian, Terima Kasih.</p>	<p>antara imam dan makmum, struktur binaannya yang tidak mampu menampung keluasan jemaah untuk solat Jumaat dengan selesa.</p> <p>Kesalahan ini juga boleh disifatkan sebagai melanggar peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 yang apabila disabitkan boleh dikenakan tindakan.</p> <p>b) Penggunaan elektrik yang ditarik dari tiang-tiang pihak TNB atau di bawah seliaan pemaju adalah haram disebabkan sumber elektrik tersebut disifatkan sebagai sumber yang dicuri iaitu tanpa kebenaran pihak yang terbabit.</p>
3.	Ahmad Puad 13/6/2016	Assalamualaikum. Saya Ahmad Puad bin Halimi ingin bertanya kan beberapa soalan.	

		<p>1. Apakah hukumnya orang yg sembahyang bergoyang goyang kekiri dan kekanan sehingga selesai memberi salam, tetapi masih dalam arah kiblat, sedangkan dia seorang imam?</p> <p>2. apakah pula hukumnya kalau dia seorang makmum atau solat bersendirian kerana keuzuran?</p> <p>3. apakah hukumnya, seorang yang solat rukuknya hanya 65%, mukanya tidak dapat memandang arah sujud dan badannya senget sebelah, sedangkan dia seorang imam? bagaimana pula kalau dia menjadi makmum atau solat bersendirian kerana keuzuran. (akibt strOk)?</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Hukum bergoyang-goyang ke kiri dan ke kanan yang melebihi tiga kali pergerakan boleh membatalkan solat. Jika seseorang imam melakukan perbuatan berkenaan maka makmum boleh bermufaraqah (berpisah) daripada imam berkenaan. 2. Jika seseorang makmum yang keuzuran maka dia boleh menunaikan solat secara duduk walaupun ketika sedang solat berjemaah. Sekiranya dia bermufaraqah daripada imam maka solatnya itu tetap sah namun tidak mendapat fadhilat berjemaah. 3. Solatnya tetap sah kerana faktor kesihatan yang dialaminya dan makmum yang mengikutinya juga tidak batal solat mereka.
--	--	--	---